

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 28 MAC 2002
**Tajuk : UCAPAN SEMPENA MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG
2001 DAN MAJLIS MENANDATANGANI SURAT AKU JANJI**

BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUMWARAHMATULLAHIWABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG BERTHORMAT DATUK DR. LEO MICHAEL TOYAD, TIMBALAN MENTERI LUAR
NEGERI

YANG BERBAHAGIA DATO' AHMAD FUZI BIN HJ. ABDUL RAZAK, KETUA SETIAUSHA
DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN HADIRIN SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, MARILAH SAMA-SAMA KITA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE
HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN KEIZINANNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA
BERADA DIDALAM AUDITORIUM PADA PAGI INI UNTUK MENYEMPURNAKAN MAJLIS
ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG BAGI TAHUN 2001 DAN MAJLIS
MENANDATANGANI SURAT AKU JANJI BAGI KEMENTERIAN LUAR NEGERI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DISINI UNTUK
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA 53 ORANG
PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2001. SESUNGGUHNIA INI ADALAH
SATU PENGIKTIRAFAN KEPADA SAUDARA-SAUDARI, MALAH SAUDARA-SAUDARI
KINI MERUPAKAN "ROLE MODEL" YANG BAKAL DIPERHATIKAN OLEH RAKAN-RAKAN.
OLEH ITU, SAUDARA-SAUDARI PERLU BUKAN SAHAJA MENGEKALKAN PRESTASI
CEMERLANG MALAH MENINGKATKAN LAGI KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI.

DISINI JUGA SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUCAPKAN
SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH DIATAS PRESTASI YANG DITUNJUKKAN OLEH
SEMUA WARGA WISMA PUTRA. KHIDMAT BAKTI DAN SUMBANGAN YANG
DITUNJUKKAN ITU BANYAK MEMBANTU KEMENTERIAN DALAM MELICINKAN
PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KEMENTERIAN. KEPADA YANG TIDAK BERJAYA
MENERIMA ANUGERAH INI , SAYA HARAP SAUDARA-SAUDARI TIDAK BERPUTUS ASA
DAN BERPATAH SEMANGAT. BUKAN ANUGERAH MENJADI UKURAN TETAPI BAKTI
YANG DISUMBANGKAN AKAN DIKENANG. SAUDARA-SAUDARI JUGA TURUT
MENYUMBANGKAN KEPADA PENCAPAIAN KEMENTERIAN. JIKA SAUDARA-SAUDARI
DAPAT MEMPERTINGKATKAN DAYA USAHA DAN KESUNGGUHAN, SAUDARA-
SAUDARI JUGA AKAN BERJAYA SEPERTI RAKAN-RAKAN KITA YANG NAIK KE PENTAS
HARI INI.

SAUDARA DAN SAUDARI

DALAM MENGEJAR KECEMERLANGAN SESEBUAH ORGANISASI, KITA SEBENARNYA TIDAK BOLEH BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA KECEMERLANGAN INDIVIDU. KITA SEHARUSNYA JUGA MENEKANKAN KEPADA KECEMERLANGAN BERPASUKAN. SAYA AMAT MENGHARAP SEMOGA KITA SEMUA SENTIASA DAPAT BEKERJASAMA, BERPADU TENAGA DAN SALING BANTU MEMBANTU SERTA BERTOLAK ANSUR BAGI MEREALISASIKAN MISI DAN VISI KEMENTERIAN.

TIDAK DINAFIKAN ANUGERAH INI MENGGALAKKAN PERSAINGAN UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN INDIVIDU, NAMUN SAYA BERPENDAPAT PERSAINGAN TERSEBUT MESTI DIJALIN DALAM SUASANA YANG SIHAT. KITA HENDAKLAH MELIHAT PERSAINGAN ITU SEBAGAI SATU PELUANG UNTUK MEMPERBAIKI PRESTASI DAN TAHAP PENGLIBATAN KITA DALAM PASUKAN. INDIVIDU YANG CEMERLANG PULA, MESTI BERSEDIA MEMBIMBING DAN MEMBANTU RAKAN-RAKAN YANG LAIN.

KITA PERLU SEMAIKAN BUDAYA SINERGI DAN 'WIN-WIN SITUATION'. DI SINI KITA PERLU MEMBUANG JAUH BUDAYA PENTINGKAN DIRI SENDIRI. KITA PERLU MEWUJUDKAN DAN MENJANAKAN BUDAYA 'SCAFFOLDING' YANG SALING SOKONG-MENYOKONG UNTUK MEMPERKUKUH ORGANISASI KITA.

JADI KITA MESTI JELAS DALAM HAL INI. KEGAGALAN UNTUK BERSAING SECARA SIHAT AKAN HANYA MENDATANGKAN KEBURUKAN KEPADA ORGANISASI. INILAH YANG DIKHUATIRKAN OLEH W. EDWARD DEMMING, SEORANG GURU KUALITI ABAD KE-20. BELIAU PERNAH BERKATA "COMPETITION LEADS TO LOSS AS PEOPLE PULLING IN OPPOSITE DIRECTIONS ON A ROPE ONLY EXHAUST THEMSELVES; THEY GO NOWHERE. WHAT WE NEED IS COOPERATION.'

SAUDARA DAN SAUDARI

SAYA INGIN BERKONGSI SATU HADIS RASULULLAH S.A.W. YANG DIANTARANYA BERMAKSUD, 'SETIAP KAMU ADALAH PENGEMBALA DAN SETIAP KAMU ADALAH BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ORANG BAWAHANNYA. PEMIMPIN ITU ADALAH PEMERINTAH DAN IA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ORANG YANG DIPIMPINNYA. SETIAP KAMU ADALAH PENJAGA DAN SETIAP KAMU JUGA ADALAH BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP JAGAANNYA'.

HADIS INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA KITA SEMUA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB TERTENTU DAN PERLU MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB TERSEBUT. BEGITULAH JUGA DENGAN ORGANISASI KITA, KEMENTERIAN LUAR NEGERI. MESKIPUN ORGANISASI KITA TERDIRI DARIPADA PELBAGAI PERINGKAT DAN PANGKAT, NAMUN KESEMUA KITA MEMPUNYAI SATU TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBAWA KEMENTERIAN LUAR NEGERI KE MERCU KEJAYAAN YANG LEBIH GEMILANG. SAYA BERHARAP TIDAK KIRA APA DARJAT DAN PANGKAT YANG DISANDANG, KITA TANAMKAN TEKAD DAN BUKTIKAN BAHAWA KITA BOLEH MEMBERIKAN YANG TERBAIK UNTUK MANFAAT AGAMA, BANGSA, DAN NEGARA. SIAPA LAGI, KALAU BUKAN KITA SENDIRI YANG BERUSAHA DAN MELAKUKANNYA.

SAUDARA DAN SAUDARI

KEJAYAAN KEMENTERIAN LUAR NEGERI HANYA AKAN TERCAPI DENGAN KESUNGGUHAN DAN USAHA KITA. JADI, PRA-SYARAT UNTUK MENCAPI KAJAYAAN YANG LEBIH GEMILANG IALAH KITA PERLU MENJANA KECEMERLANGAN STAF. SUMBER MANUSIA ADALAH "ENGINE OF GROWTH" KEPADA PENCAPAIAN INI. PADA MASA YANG SAMA, KITA MESTI MENGIKUTI PERKEMBANGAN SEMASA DAN BERUSAHA MENCAPI KEMAJUAN DALAM SEGALA ASPEK, LEBIH-LEBIH LAGI DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA. SELARAS DENGAN ITU KEMENTERIAN LUAR NEGERI BARU-BARU INI MEMBUAT PENSTRUKTURAN SEMULA DENGAN MEWUJUDKAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA. PEWUJUDAN BAHAGIAN INI ADALAH BERDASARKAN KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MENJADIKAN PERKHIDMATAN AWAM "WORLD CLASS". KEARAH ITU, BAHAGIAN INI ADALAH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MERANGKA, MERANCANG, MELAKSANA, MEMANTAU DAN MEMBANGUN SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN LUAR NEGERI DENGAN LEBIH BERKESAN. SAYA YAKIN DENGAN TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN ITU, BAHAGIAN INI MAMPU UNTUK MERANCANG AKTIVITI YANG RELEVAN DAN MANTAP AGAR IANYA DAPAT MENGHASILKAN WARGA WISMA PUTRA YANG BERKUALITI DAN BERDAYA SAING.

SAUDARA DAN SAUDARI

PADA PAGI INI JUGA, KITA AKAN MELAKSANAKAN SATU LAGI TANGGUNGJAWAB KITA IAITU MENANDATANGANI SURAT AKU JANJI. SAYA PERCAYA SEBILANGAN BESAR DI ANTARA KITA TELAH SEDIA MAKLUM DENGAN KEPUTUSAN KABINET UNTUK MEWAJIBKAN SEMUA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM UNTUK MENANDATANGANI SURAT AKU JANJI INI. BERIKUTAN DENGAN KEPUTUSAN KERAJAAN TERSEBUT, PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 2001 BERHUBUNG PENGUATKUASAAN SURAT AKU JANJI UNTUK PEGAWAI AWAM TELAH DIKELUARKAN.

PELAKSANAAN SURAT AKU JANJI YANG BERKUAT KUASA MULAI 1 JANUARI LALU, MENEKANKAN KEPERLUAN SETIAP ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM TANPA MENGIRA PANGKAT DAN JAWATAN SAMADA BERTARAF TETAP, SEMENTARA ATAU KONTRAK, UNTUK MEMENUHI SERTA MEMATUHI PERINTAH-PERINTAH AM, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB), PEKELILING-PEKELILING, PERATURAN-PERATURAN SERTA ARAHAN-ARAHAN LAIN YANG DIKUATKUASAKAN OLEH KERAJAAN DARI SEMASA KE SEMASA SEPANJANG PERKHIDMATAN MEREKA DENGAN KERAJAAN. IANYA BUKANLAH SATU PERKARA YANG AKAN MEMBEBAHKAN ATAU MENYULITKAN SESEORANG PEGAWAI, MALAH PERDANA MENTERI SERTA AHLI KABINET JUGA TELAH MENANDATANGANI SURAT AKU JANJI. DAN PADA HARI INI, TIBALAH GILIRAN SAUDARA DAN SAUDARI UNTUK MENJALANKAN KEWAJIPAN BERSAMA.

JIKA DILIHAT, KANDUNGAN SURAT AKU JANJI INI, IA BUKANLAH SESUATU YANG BARU. IA TELAH DIPADANKAN DARIPADA PERATURAN 4, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993. UNTUK MENGUKUHKAN

PELAKSANAAN SURAT AKU JANJI INI, PERATURAN-PERATURAN YANG BERKAITAN SEPERTI PERINTAH-PERINTAH AM BAB A 1973 AKAN DIUBAHSUAI DENGAN MENGADAKAN PERUNTUKAN YANG MEWAJIBKAN SETIAP PEGAWAI BARU YANG DILANTIK, UNTUK MENANDATANGANI SURAT AKU JANJI SEBAGAI SATU SYARAT PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM.

PADA KESELURUHANNYA, SURAT AKU JANJI INI MENGGAMBARAKAN USAHA MENYELURUH PIHAK KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN IMEJ DAN KUALITI PERKHIDMATAN AWAM DEMI KEPENTINGAN JANGKA PANJANG DENGAN MENGELAKKAN PEMBABITAN DALAM PERKARA-PERKARA NEGATIF DAN PERBUATAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN. USAHA MURNI INI HANYA AKAN DAPAT DITINGKATKAN DENGAN MENGADAKAN SATU MEKANISME BARU IAITU SURAT AKU JANJI YANG AKAN KITA TANDATANGANI YANG BERTUJUAN UNTUK MENJELASKAN PERATURAN-PERATURAN KERAJAAN YANG DIKENAKAN SECARA LEBIH TERPERINCI. DOKUMEN YANG BAKAL SAUDARA DAN SAUDARI TANDATANGANI SEBENTAR LAGI SEBENARNYA BAKAL MEMBAWA IMPLIKASI POSITIF DALAM PEMBANGUNAN DIRI, PERKHIDMATAN AWAM DAN NEGARA JIKA KITA MELAKUKANNYA DENGAN FIKIRAN TERBUKA.

SETERUSNYA IA AKAN DAPAT MENIMBULKAN KESEDARAN DI KALANGAN KITA SEBAGAI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM AKAN BETAPA PENTINGNYA MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN SETIA, JUJUR, BERTANGGUNGJAWAB, DEDIKASI, PROFESSIONAL DAN SENTIASA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN KERAJAAN DARIPADA KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, SEPERTI KATA PEPATAH MELAYU, KERJA RAJA DIJUNJUNG, KERJA SENDIRI DI KELEK. INI ADALAH SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MELAHIRKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG CEKAP DAN BERWIBAWA DEMI KEMAJUAN DAN KEHARMONIAN NEGARA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

MERENCANA DAN MENGENDALIKAN MAJLIS SEPERTI PAGI INI, BUKANLAH SATU PERKARA YANG ENTENG TANPA PERANCANGAN RAPI DAN KOMITMEN PENGANJUR. JADI SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR. UCAPAN YANG SAMA JUGA SAYA TUJUKAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG MEMBANTU DAN TERLIBAT SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG PADA MENJAYAKAN MAJLIS INI. SAYA PERCAYA JIKA SIKAP KERJASAMA, TOLONG-MENOLONG DAN TOLAK ANSUR DAPAT DIJADIKAN BUDAYA HIDUP KITA, INSYAALLAH PERANCANGAN KITA AKAN MENJADI LEBIH MUDAH, DAN KEJAYAAN AKAN MENGGAMIT KITA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WASSALAM.